

# KPKT teliti mekanisme pemilikan rumah warga asing

BH ONLINE | Khamis, 12 September 2019 | 12:39pm



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin ketika merasmikan Majlis Pra Pelancaran 7th Asia-Pacific Urban Forum (APUF7) di Putrajaya, turut kelihatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah, Datuk Bandar MBPP, Datuk Ar Yew Tung Seang dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKT, Datuk Dr Mary Wong Lai Lin. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin meminta semua pihak tidak tersalah anggap mengenai cadangan menganjurkan kempen pemilikan rumah di negara ini kepada warga China atau Hong Kong.

Beliau berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih meneliti cadangan itu, khususnya mekanisme pelaksanaannya.

"Itu (cadangan kempen pemilikan rumah kepada warga China dan Hong Kong) adalah hasil maklum balas awal selepas lawatan saya ke Hong Kong dan China, baru-baru ini.

"Sekarang masih di peringkat penelitian untuk memperincikan mekanisme di bawah Program Malaysia My Second Home (MM2H). Daripada mereka (warga asing) beli (rumah) di negara lain, lebih baik beli di Malaysia.

"Sudah tentu juga program ini terbuka kepada rakyat negara lain, bukan Hong Kong dan China sahaja," katanya kepada media selepas selepas prapelancaran '7th Asia-Pacific Urban Forum' (APUF7), di sini hari ini.